

Emel Anugerah

Monday, 09 January 2017

Anugerah PERSAMA 2017
SEMUA AHLI AKADEMIK
MEREKA YANG BERKENAAN

Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik,

PENCALONAN BAHAN-BAHAN ILMIAH UNTUK ANUGERAH PERSATUAN SAINS MATEMATIK MALAYSIA
(PERSAMA) 2017

Merujuk kepada perkara di atas, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Persatuan Sains Matematik Malaysia (PERSAMA) akan menganjurkan Anugerah PERSAMA 2017 yang akan diadakan semasa Simposium Kebangsaan Sains Matematik Ke 25 (SKSM25) di MS Garden Hotel Kuantan anjuran Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang Kampus Jengka pada 27-29 Ogos 2017.

2. Sehubungan dengan itu, saya bagi pihak PERSAMA memohon kerjasama dari pihak Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik untuk mencalonkan bahan-bahan ilmiah terbitan Jabatan saudara atau pencalonan individu untuk Anugerah PERSAMA 2016 bagi kategori berikut.

- Buku Karya Asli
- Buku Karya Terjemahan
- Tesis Sarjana
- Tesis Doktor Falsafah
- Makalah Ilmiah
- Rekacipta Matematik
- Rencana popular

3. Hadiah bagi pemenang utama dan beberapa pemenang saguhati berupa wang tunai serta sijil dari PERSAMA. Untuk makluman, pencalonan dari Jabatan amat digalakkan tetapi pencalonan dari individu juga turut diterima. Bersama-sama ini dilampirkan garis panduan anugerah bagi setiap kategori untuk tindakan Y.Bhg Dato'/ Datin/Prof/ Prof Madya/ Dr/ Tn/Pn/En/Cik seterusnya (Lampiran). Untuk makluman, tarikh tutup pencalonan adalah pada 31 Mac 2017. Sila hantarkan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan berserta borang pencalonan terus kepada saya di alamat di bawah. Borang pencalonan boleh juga didapati di laman web PERSAMA di www.persama.org.my.

4. Sebarang pertanyaan juga boleh diajukan terus kepada saya. Mohon kerjasama saudara untuk menghebahkan maklumat ini kepada semua staf akademik di Jabatan saudara.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih. Wassalam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang menjalankan tugas,

Dr Humaida Banu binti Samsudin
Penyelaras Anugerah PERSAMA 2017
d/a Pusat Pengajian Sains Matematik, Fakulti Sains & Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-89215723 (pej), 017-3623463 (h/p) Mel-e: humaida@ukm.edu.my
Lampiran:

[Surat Pencalonan Anugerah PERSAMA 2017]

Lampiran:

[Borang Pencalonan Anugerah PERSAMA 2017]

[Poster Anugerah PERSAMA 2017]